



KENYATAAN MEDIA

SERAH SIMPAN PENYATA TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN SYARIKAT SECARA FIZIKAL MELALUI KAUNTER

Kuala Lumpur, 31 Disember 2020 – Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 25 Disember 2020 telah mengeluarkan kenyataan awam mengenai penutupan sementara Malaysian Business Reporting System (MBRS) sehingga 28 Februari 2021 bagi tujuan penyelenggaraan sistem.

Sebagai alternatif, para pelanggan boleh membuat serahan simpan dokumen Penyata Tahunan (PT), Penyata Kewangan dan Laporan (PK), *Exempt Private Company* (EPC), Penyata Kewangan Tidak Beraudit, dan permohonan pengecualian atau lanjutan masa bagi PT atau PK, *Exemption Application* (EA) melalui serahan kaunter di pejabat SSM seluruh negara.

SSM memahami kesulitan yang dihadapi dan memohon pelanggan untuk memberi laluan kepada kerja-kerja penyelenggaraan sistem MBRS ini disempurnakan.

SSM sentiasa memastikan maklumat yang dibekalkan kepada pelanggan adalah maklumat yang terkini. Kerja-kerja penyelenggaraan ke atas sistem MBRS tidak menghalang akses pelanggan kepada maklumat terkini syarikat yang dikemaskini melalui sistem MyCoID.

Bagi mengurangkan impak kepada syarikat yang terkesan akibat penutupan sistem MBRS ini, SSM memberi pengecualian fi bagi lewat serah simpan dokumen berkanun di atas bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Januari 2021.

Sebagai panduan kepada pelanggan, tatacara serah simpan dokumen berkanun telah dimuatnaik dalam bentuk soalan-soalan lazim (FAQs) yang boleh diakses di laman sesawang www.ssm.com.my.

Sebarang pertanyaan lanjut, pelanggan boleh hubungi Pusat Panggilan SSM di talian 03-7721 4000 atau emel ke enquiry@ssm.com.my atau mbrs.support@ssm.com.my.

Dikeluarkan Oleh: SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)
Tarikh: 31 Disember 2020